

**WAWANCARA PERANAN ISLAM DALAM  
MEMERANGI DADAH  
BERSAMA  
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

**Soalan 1:**

**Apakah yang dimaksudkan dengan syubhah?**

Islam adalah agama yang syumul dan merupakan suatu sistem kehidupan yang diatur dengan bijaksana serta keluhuran dalam membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Islam juga adalah agama yang bersifat sejagat, hatta tiada satu pun perkara yang tidak disentuh dalam Islam, termasuklah dalam perkara yang melibatkan syubhah.

Syubhah berasal dari perkataan arab yang bermaksud meragukan, samar atau tidak jelas. Ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُّشْتَبِهَاتٌ لَا  
يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ  
وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ.

Maksudnya: Sesungguhnya apa yang halal itu jelas, dan sesungguhnya apa yang haram itu juga jelas. Dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang samar-samar, yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Maka siapa yang tinggalkan perkara yang samar-samar, ia telah melepaskan dirinya (dari dosa dan tuduhan manusia). Akan tetapi, siapa kerap yang mengambil perkara yang samar, maka ia telah jatuh pada perkara yang haram.

Oleh itu, bersandarkan kepada hadis ini, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa menjauhi perkara yang meragukan dan bersifat samar kerana ketidakpastian itu akan membawa kepada perkara yang haram. Ia

diperkuatkan lagi dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari:

دَعْ مَا يَرِيكَ إِلَىٰ مَا لَا يَرِيكَ

Maksudnya: Tinggalkan apa yang mencurigakan kamu kepada apa yang tidak mencurigakan kamu.

Perkara syubhah ini adalah termasuk dalam kategori yang tidak jelas hukumnya kerana pada zaman awal Islam dahulu, mungkin perkara ini belum lagi wujud tetapi dengan perkembangan semasa dunia hari ini, barulah perkara seperti penyalahgunaan dadah timbul dan berlaku dalam masyarakat. Namun begitu, ianya telah dapat diperjelaskan oleh para ulama' semasa bagi menerangkan kedudukannya.

**Soalan 2:**

**Adakah dadah disebutkan di dalam al-Quran dan apa pula yang dimaksudkan dengan khamar?**

Undang-undang Islam yang terkandung di dalam al-Quran mengandungi ajaran-ajaran yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. bagi umat manusia. Ianya telah diterangkan dan diberi contoh oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang mana baginda telah memberi tauladan bagaimana perkara yang terkandung dalam al-Quran itu boleh dilaksanakan dalam kehidupan. Ia kemudiannya telah diperkembangkan pelaksanaannya oleh Khulafa' al-Rasyidin dan dengan usaha para ulama' serta mujtahid yang telah berusaha menggunakan ijtihad mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat manusia

Perlu kita fahami bahawa sumber perundangan Islam itu adalah berteraskan al-Quran, hadis, ijma' dan qias. Kita sedia maklum bahawa, terdapat hukum yang jelas dalam al-Quran, bersifat qat'i dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi. Di samping itu, terdapat juga hukum yang tidak jelas, yang memerlukan penafsiran dari hadis yang memainkan peranan untuk memperjelaskan lagi kandungan al-Quran.

Ijma' pula adalah kesepakatan para ulama' yang muktabar dalam menentukan hukum bagi sesuatu perkara baru yang tidak pernah wujud atau berlaku pada masa lalu dan tidak dinyatakan dalam al-Quran ataupun hadis. Manakala qias pula adalah persamaan hukum yang terkandung sama ada dalam al-Quran ataupun hadis dengan sesuatu perkara berdasarkan kemudharatan atau kesannya kepada umat Islam.

Kesejagatan fungsi al-Quran dalam memandu kehidupan setiap Muslim tidak perlu dipertikaikan lagi, malahan ia menjadi bahan rujukan dan kajian para orientalis Barat yang memperakui kandungan al-Quran itu sangat sesuai untuk semua umat manusia dan melangkaui zaman. Walaupun perkataan 'dadah' tidak dinyatakan dalam al-Quran, ini bukan bermakna al-Quran itu

tidak lengkap dan sempurna, malahan al-Quran adalah sebagai panduan dan rujukan utama.

Permasalahan berkaitan penyalahgunaan dadah yang sedang kita hadapi mutakhir ini telah diqiaskan dengan khamar iaitu arak. Ia diqiaskan sedemikian rupa bersandarkan kepada kesan atau kemudharatan yang sama ke atas manusia sekiranya ia diambil secara berlebihan yang akan mendatangkan risiko yang amat besar sekali.

Mereka yang mengambil dan menyalahgunakan dadah akan menjadi khayal, tidak mempunyai pertimbangan akal fikiran yang waras, boleh dan akan bertindak mengikut hawa nafsu, serta kesan negatif yang paling besar sekali adalah apabila melibatkan orang lain iaitu sehingga tahap membunuh, berhutang, merompak dan perpecahan keluarga.

### **Soalan 3:**

#### **Adakah dadah termasuk dalam perkara syubhah?**

Dalam konteks ini, sebagai seorang Muslim yang baik, setiap daripada kita hendaklah memastikan bahawa setiap langkah yang diambil dalam kehidupan akan membawa natijah yang baik. Ekoran daripada itu, setiap ancaman yang boleh merosakkan prinsip asas syariah atau '*maqasid al-syariah*' yang memperuntukkan manusia supaya menjalani kehidupan dengan menjaga dan mempertahankan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta, sewajarnya hendaklah dihindarkan.

Masalah penyalahgunaan dadah yang kita bincangkan ini memberi kesan terhadap 5 prinsip asas syariah yang telah dinyatakan tadi. Adalah amat jelas sekali bahawa penyalahgunaan najis dadah akan merosakkan prinsip asas syariah yang perlu dipatuhi oleh mereka yang mengaku dirinya sebagai seorang Muslim.

Maka dengan itu, penyalahgunaan dadah ini tidak boleh dikategorikan termasuk dalam perkara syubhah kerana ianya akan membawa kemusnahan terhadap agama, akal, nyawa keturunan dan harta manusia itu sendiri. Di samping itu, dadah telah diqiaskan dengan arak, kerana pengharamannya adalah berdasarkan kemudharatan kepada manusia.

Adalah perlu bagi kita untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan melakukan sesuatu perkara yang baik, serta sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dalam kehidupan. Ini kerana, falsafah '*mencegah lebih baik dari mengubati*' atau '*al-wiqayah khairu min al-'ilaj*' atau '*prevention is better than cure*' merupakan ubat yang terbaik bagi menghalang diri daripada perkara yang merosakkan.

#### **Soalan 4:**

**Secara umum apakah pandangan Islam terhadap dadah dan keburukannya?**

Kita mengakui bahawa krisis sosial yang membabitkan sebahagian besar umat Islam di negara ini adalah berkaitan penyalahgunaan dadah. Kita perlu memandang permasalahan ini dengan lebih serius lagi, dengan menjadikan program menangani permasalahan dadah ini sebagai agenda utama negara. Ini kerana, kita tidak boleh lagi kehilangan sebahagian besar sumber tenaga manusia yang diperlukan untuk membangunkan negara akibat terpengaruh dengan gejala negatif seperti ini.

Agama Islam telah menentukan hala tuju yang perlu dimainkan oleh individu dan masyarakat dalam menjalani kehidupan sebagai khalifah, iaitu untuk memakmurkan bumi Allah ini. Islam memandang bahawa kehadiran agama adalah bertujuan untuk mengubah masyarakat (*an-nas*) dari kegelapan kepada cahaya; dari *zulmat* kepada *an-nur*, sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam ayat 1, surah Ibrahim yang bermaksud:

Alif, Laam, Raa. Inilah Kitab (al-Quran) Kami turunkan ia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman-dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

Dalam usaha menjamin kesejahteraan hidup, Islam telah menetapkan panduan dan larangan untuk pengambilan bahan makanan atau barang gunaannya agar umatnya tidak terjerumus ke lembah kehinaan dengan mengambil perkara yang ditegah. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan hidup manusia itu sentiasa terpelihara dengan baik. Kita sentiasa pendengar pepatah Arab yang berbunyi '*al-aqlu salim fi al-jismi salim*' iaitu akal yang sihat terletak pada tubuh badan yang sihat. Ini bermakna hubungan antara akal (mental dan spiritual) dengan badan (fizikal) amat berkait rapat dan akan memberi kesan yang mendalam terhadap satu sama lain.

Oleh kerana itu, Islam menggesa umatnya supaya sentiasa mengambil segala perkara / benda yang baik dan menegah daripada mengambil perkara / benda yang kotor, jijik dan keji serta yang dilarang termasuklah yang memabukkan seperti dadah. Perbuatan seperti ini bukan sahaja mendatangkan kesan terhadap kesempurnaan ibadah, tetapi kita sebenarnya telah mencampakkan diri ke arah kebinasaan. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ  
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan berbuat baiklah; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki dirinya.

Kesan daripada penyalahgunaan dadah ini sangat besar dan ia dapat dilihat melalui:

1. Kehancuran rumahtangga dan perpecahan keluarga; kerana perbelanjaan urusan kekeluargaan atau nafkah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan sebagainya akan terabai, tidak dapat diuruskan dengan baik dan sempurna.
2. Menimbulkan masalah jenayah; kerana jenayah yang berlaku seringkali dikaitkan dengan para penagih. Ketiadaan sumber kewangan dan hilang punca kawalan diri untuk membeli dadah akan mendorong para penagih melakukan jenayah seperti mencuri, merompak memeras ugut dan membunuh.
3. Merosakkan diri sendiri; kerana mereka ini telah meletakkan diri dalam kehancuran, tidak menyumbang ke arah kebaikan dan menjadi bebanan kepada keluarga, anggota masyarakat dan negara.

4. Mendatangkan penyakit seperti HIV dan AIDS; kerana seringkali berkongsi jarum suntikan untuk melepaskan keinginan menagih dadah. Risiko penyakit ini berjangkit adalah tinggi terutamanya terhadap ahli keluarga seperti suami atau isteri penagih yang kerap berkongsi jarum suntikan.
  
5. Membazir; kerana berlebih-lebihan atau pembaziran amat tidak disukai, bahkan orang yang suka membazir disamakan seperti bersaudara dengan syaitan.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Isra' ayat 27 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

**Soalan 5:****Bagaimana pula pandangan Islam terhadap penggunaan dadah sebagai bahan perubatan?**

Pengharaman dadah ini seharusnya dilihat dalam ruang lingkup yang lebih luas. Dadah diharamkan bukan pada zat bahan (dadah) itu sendiri tetapi ia diharamkan kerana kemudharatan yang timbul akibat penyalahgunaannya, diambil dalam kuantiti yang terlalu banyak dan tanpa kawalan.

Dalam konteks dadah sebagai bahan perubatan atau dijadikan sebagai ubat untuk merawat penyakit, perlu difahami, Allah s.w.t. telah menegaskan bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya, kecuali mati. Kita sebagai manusia harus berikhtiar untuk merawat penyakit melalui kaedah atau cara yang dibenarkan oleh hukum syara', termasuklah dalam kaedah penggunaan ubat-ubatan.

Kandungan ubat-ubatan itu pula hendaklah daripada bahan yang bukan najis, tidak memudharatkan sekiranya diambil kuantiti yang sedikit, dikawal atau diselia oleh doktor pakar (sebaiknya beragama Islam) serta tidak mendatangkan risiko atau komplikasi penyakit yang lain. Penggunaan dadah dalam perubatan atau ubat untuk merawat penyakit adalah tertakluk kepada perkara yang telah saya nyatakan tadi secara umum.

**Soalan 6:**

**Sejauh mana peranan yang dimainkan oleh para ulama' di Malaysia dalam isu ini?**

Kita semua perlu bertanggungjawab dan sama-sama memainkan peranan masing-masing. Sekiranya kita menjalankan tanggungjawab masing-masing, agensi seperti AADK dan PENGASIH tidak akan merasa keseorangan. Hari ini, kita tidak boleh dan hanya merasa cukup dengan melontarkan idea, pandangan dan pemikiran semata-mata. Kita sudah terlalu banyak berteori dan kini tibalah masanya untuk kita melaksanakannya dengan mendampingi golongan seperti ini sama ada di pusat-pusat serenti, rumah pengasih mahu pun yang bergelendangan di jalanan.

Sebagai seorang Islam, kita seharusnya menunaikan tanggungjawab sosial kita kepada golongan ini. Mereka mempunyai hak ke atas kita dan kita wajib menunaikannya sebagai hak seorang Muslim kepada Muslim yang lain. Dari segi dakwah, kita dituntut untuk memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan memberi kesedaran serta kefahaman kepada mereka terhadap Islam.

Di samping itu juga, kita perlu sentiasa memberikan khidmat nasihat, pandangan yang berguna serta saling bertanya khabar berita sebagai satu bentuk sokongan moral kepada mereka. Dari segi kebajikan pula, mereka ini perlu dilibatkan dalam semua aktiviti kemasyarakatan terutamanya yang melibatkan program-program keagamaan sama ada di peringkat kariah, daerah mahu pun negeri.

Mereka juga insan biasa yang mahukan hidup bahagia seperti orang lain, mungkin dengan kelemahan dan kesilapan masa lalu, mereka disisihkan oleh ahli keluarga, tetapi itu tidak bermakna kita juga perlu melakukan perkara yang sama.

Mereka saudara seagama kita, mereka yang telah benar-benar insaf perlu diberikan ruang dan peluang untuk memperbaiki diri. Oleh itu, kita perlu sama-sama memainkan peranan agar mereka tidak merasa terpinggir atau

tersisih. Mereka sebenarnya masih lagi aset negara untuk pembangunan modal insan yang boleh membantu untuk kemajuan negara. Kita sebagai anggota masyarakat tidak boleh untuk terus menghukum mereka atas kekhilafan yang telah mereka kesali.